

Syor kaji semula peraturan kahwin

BH - 09/07/2007

Oleh Siti Nur Almizan Aripin

KUALA LUMPUR: Tokoh agama dan ulama mahu jabatan agama Islam negeri menilai semula peraturan nikah kahwin di negara ini yang dikatakan ketat sehingga menyebabkan ramai kaum wanita memilih untuk bernikah di Wilayah Songkhla, Selatan Thailand.

Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainal Abidin, berkata fenomena yang wujud dalam institusi Islam sekarang adalah mengetatkan peraturan perkahwinan dan ia dilihat sebagai perkara yang tidak sepatutnya berlaku kerana mengakibatkan kesulitan dalam urusan pernikahan.

“Keadaan itu secara tidak langsung menyebabkan kecenderungan kaum wanita untuk berkunjung ke Songkhla meningkat sama ada membabitkan kes isteri digantung tidak bertali atau yang ingin menjadi isteri kedua.

“Masalah itu antara lain mungkin juga berpunca daripada kelemahan sistem kehakiman syariah di negara ini yang tidak cekap dalam menjalankan tugas menyebabkan banyak kes membabitkan tuntutan perceraian tertangguh,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Katanya, kursus perkahwinan yang diwajibkan untuk pasangan Islam yang ingin berkahwin juga seolah-olah dilaksanakan sekadar melepas batuk di tangga malah ia sudah tidak relevan dan perlu diteliti semula supaya tidak

dijadikan peluang oleh segelintir pihak untuk mengaut keuntungan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan *Berita Minggu*, semalam mengenai wanita Islam di negara ini yang menghadapi masalah digantung tidak bertali dan mahu bernikah tapi tidak mendapat restu selain lelaki yang ingin berpoligami yang menjadikan Songkhla sebagai tempat untuk menyelesaikan masalah itu.

Tokoh agama, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz, berkata kaum wanita di negara ini yang berdepan dengan masalah untuk melangsungkan perkahwinan perlu berfikir panjang sebelum membuat keputusan untuk bernikah di negara jiran.

“Dari segi syarak, perkahwinan yang dijalankan oleh jurunikah di Songkhla sah namun ia bertentangan dengan undang-undang di negara ini, di mana setiap pasangan yang melangsungkan pernikahan di sana tidak diiktiraf jabatan agama Islam di sini,” katanya.

Sementara itu, Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria, berkata peraturan nikah kahwin di negara ini tidak perlu diperbaiki lagi kerana ia sudah cukup sempurna.

“Setiap peraturan yang dibuat mempunyai sebab tersendiri, malah peraturan ketat yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengelakkan sebarang masalah yang boleh menjejaskan kerukunan rumah tangga terjadi di kemudian hari,” katanya. //